

23 DEC 1997

Penjara-Pengarah

OMAR MOHAMED GANTI ZAMAN KHAN SEBAGAI KETUA PENGARAH PENJARA

KAJANG, 23 Dis (Bernama) -- Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Penjara Omar Mohamed Dan dilantik menjadi Ketua Pengarah Penjara mulai 1 Jan, menggantikan Datuk Mohd Zaman Khan yang akan bersara pada 31 Dis.

Dengan pelantikan itu, jawatan berkenaan kembali disandang oleh pegawai daripada jabatan itu setelah sendiri setelah hampir lapan tahun diketuai dua pegawai tinggi polis.

Pelantikan itu diumumkan Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting selepas melancarkan motto dan etika Jabatan Penjara Malaysia di Maktab Penjara di sini hari ini.

Beliau turut mengumumkan pelantikan Pengarah Bahagian Keselamatan Jabatan Penjara Mustafa Osman sebagai Timbalan Ketua Pengarah.

Pada 1 Mac 1990, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Dalam Negeri, melantik Datuk Yassin Jaafar dari Polis Diraja Malaysia sebagai Ketua Pengarah Penjara ekoran beberapa isu seperti kejadian banduan lari, dakwaan dadah di kalangan pegawai penjara dan kes banduan diberi layanan istimewa.

Ketika itu, Yassin mengambil alih daripada Datuk Ibrahim Mohamad. Yassin pula diganti oleh Mohd Zaman juga daripada PDRM pada 9 Feb 1994.

Ong dalam ucapannya menghargai kerjasama PDRM kerana sudi membantu Jabatan Penjara dengan meminjamkan dua pegawai kanannya untuk membantu pengurusan dan operasi Jabatan Penjara.

Katanya kerjasama polis telah menjadikan institusi penjara lebih sempurna terutama berhubung aspek keselamatan penjara.

"Saya anggap ini satu kejayaan dan sudah tiba masanya jawatan Ketua Pengarah diserahkan kembali kepada kakitangan Jabatan Penjara yang berkebolehan, kerana hari ini Jabatan Penjara sudah mempunyai pegawai yang berkelayakan untuk menangani segala masalah di samping pihak polis yang bersedia membantu sekiranya diperlukan," katanya.

Omar, 54, mula berkhidmat dengan Jabatan Penjara sejak 1 Jan 1970 dan memegang jawatan Timbalan Ketua Pengarah sejak 4 Okt 1995.

Beliau yang berasal dari Tanjung Piandang, Perak berkelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, pernah menghadiri kursus bahasa Cina di Sekolah Bahasa Cina Kuala Lumpur selama enam bulan pada tahun 1974 dan kursus "Community Base Correction" di Jepun pada 1979.

Beliau juga mempunyai pengalaman berkhidmat di beberapa penjara seperti Taiping sebagai Pegawai Besar II (1970), penjara Johor Baharu sebagai Timbalan Penguasa Penjara (1981), penjara Pulau Jerjak sebagai Penguasa Penjara (1985), penjara Sungai Petani Kedah dengan memegang jawatan yang sama (1988), penjara Pulau Pinang sebagai Penguasa penjara Tingkatan Tertinggi G (1990), penjara Kuala Lumpur sebagai Penguasa Penjara KX2 (1993) dan akhirnya di Ibupejabat Penjara Kajang. -- BERNAMA

ZAI RON